

SOALAN NO: 26

dicapai adalah lebih tinggi iaitu sebanyak 33% berbanding sasaran yang ditetapkan sebanyak 20% untuk pembelian pukal lebar jalur berjumlah kurang 1Gbps.

Pada tahun ini, penurunan kos yang dijangka diperolehi adalah melebihi dari apa yang telah dicapai pada tahun-tahun sebelum ini kerana telah mencapai lebar jalur antarabangsa berjumlah 20Gbps. Penjimatan ini dijangka dapat direalisasikan pada akhir suku ke-4 tahun 2014.

NO. SOALAN: 27

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD
[LANGKAWI]**

TARIKH : 27 OKTOBER 2014

RUJUKAN : 7150

SOALAN:

Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad [Langkawi] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan sistem "*visa on arrival*" agar memudahkan pelancong asing berkunjung ke negara kita terutamanya pelancong yang bercadang melancong ke Pulau Langkawi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telahpun melaksanakan sistem *Visa On Arrival (VOA)* berkuatkuasa 1 Januari 2014 sempena dengan Tahun Melawat Malaysia 2014 dan *Year of Festival 2015* di semua pintu masuk Lapangan Terbang Antarabangsa yang dibenarkan iaitu KLIA, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail, Johor Bahru, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Sabah, dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, Sarawak. Kerajaan pada masa kini tidak bercadang untuk mewujudkan sistem VOA untuk pelawat yang ingin berkunjung ke Langkawi memandangkan kemudahan VOA yang dinyatakan telah membolehkan pelawat-pelawat ini berkunjung ke Langkawi dan pulau-pulau lain di Malaysia.